

Headline	Berita gembira buat bekas cikgu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	19
ArticleSize	218 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 25,764		



## Berita gembira buat bekas cikgu



MAIMON berdiri di hadapan rumahnya yang siap hasil sumbangan TNB bernilai RM50,000.

**Jasin:** Sebelum ini rumah dihuni pasangan warga emas di Kampung Kelubi di sini, hanya tanah yang di-  
 alas dengan papan lapis serta tikar getah namun kini ia umpama mahligai.

“Saya doakan kebahagiaan kepada penyumbang dan semoga Allah SWT sempurnakan kehidupan mereka dunia dan akhirat,” luah Shapie’e Wahab.

Shapie’e, 87, yang juga bekas guru agama menerima sumbangan berjumlah RM50,000 daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memperbaiki kediamannya yang terbengkalai kelmarin.

Bukan itu saja, malah Shapie’e turut mendoakan

syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu terus maju, sekaligus mampu menyumbang kepada golongan yang memerlukan sepertinya.

“Saya tinggal bersama isteri, Maimon Dahlan yang berusia 66 tahun. Sebelum ini, ‘mahligai’ kami ini hanya dilengkapi dinding batu bata tanpa simen. Malah, berlantaikan tanah yang di-  
 alas dengan papan lapis serta tikar getah.

“Kami kekurangan wang untuk menyempurnakan rumah ini,” katanya ditemui selepas menerima replika kunci rumah itu daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rim merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Ne-

geri (Dun) Datuk Wira Ghazale Muhamad.

Turut hadir Pengurus Besar (Hal Ehwal Pemegang Taruh) TNB Melaka dan Negeri Sembilan Ahmad Fadhli Aziz.

Menurut Shapie’e, dia dan isteri tidak sabar untuk masuk ke mahligai baru mereka.

“Rumah ini sebenarnya sudah dijanjikan oleh Allah SWT. Hanya Dia yang menunaikan rezeki setiap daripada kita berupa tempat tinggal, makan dan minum.

“Saya berbangga dan berbesar hati untuk mendoakan kebaikan dan kesejahteraan kepada setiap pihak,” katanya.